

**Pakatan canang pendidikan percuma umpan undi belia Melayu**  
**The Malaysian Insider**  
**15 April , 2012**  
**Oleh Shannon Teoh**

KUALA LUMPUR, 15 April — Pembangkang dilihat menggunakan isu pembaharuan pendidikan tinggi bagi memenangi hati pengundi muda Melayu, yang dipercayai akan menarik pengundi atas pagar kepada mereka dalam pilihan raya akan datang.

Pakat strategi Pakatan Rakyat (PR) berkata kepada The Malaysian Insider bahawa mereka akan bertemu pada minggu hadapan untuk menyelaraskan polisi pendidikan percuma untuk pengajian tinggi dan berharap akan berjaya memenangi hati pengundi Melayu berumur lingkungan 20an, yang mana merupakan satu per enam daripada populasi pengundi.

Pertemuan itu berlangsung ekoran perbincangan antara Pengarah Strategik PKRRafizi Ramli dan Ketua Pemuda Umno Khairy Jamaluddin pada 3 May sama ada PTPTN (Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional) akan dihentikan.

"Ramai graduan Melautidak tahu berkenaan Anwar dan pergerakan Reformasi 1998. Umur kumpulan, antara 30 ke 50 tahun adalah penyokong setia PR daripada pelbagai bangsa.

"Tapi sekarang, kumpulan umur 21 ke 30, adalah pengundi kali pertama, menyaksikan masalah harian mereka sedang diperjuangkan beliau," kata Ahli Parlimen DAP daripada Bukit Bendera Liew Chin Tong merujuk kepada Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Ketua Umum PKR itu telah mengumumkan untuk memansuhkan PTPTN, yang mana ramai graduan dibebani hutang, walaupun belum lagi bekerja.

Rafizi turut menjelaskan parti itu sudah mengedarkan risalah berkenaan pendidikan tinggi untuk pemimpinnya.

Ketika demonstrasi di Dataran Merdeka semalam, kira-kira 500 aktivis pelajar menuntut pendidikan percuma, termasuk Naib Presiden PKR, Nurul Izzah Anwar, dan Chua Tian Chang, turut berhimpun menuntut "pendidikan percuma hak semua".

"Ini bukan hanya isu kepada pengundi muda. Ibu bapa turut menerima kesan terhadap masa depan anak mereka. Ini adalah isu pokok kepada 60 ke 70 peratus pengundi, tambah Rafizi.

Namun cabaran yang bakal dihadapi pembangkang adalah dengan persoalan menghapuskan PTPTN, yang mana Barisan Nasional (BN) telah menangkis dengan cepat bahawa sejumlah RM43 bilion diperlukan untuk memansuhkan PTPTN dan tindakan itu akan memfliskan negara.

Rafizi ketika sesi meja bulat telah menjelaskan bagaimana RM6.1 bilion diedarkan melalui PTPTN tahun lalu walaupun digunakan untuk membiayai tambahan 100,000 tempat di universiti awam dan ada 372,000 tempat.

Berkata kepada The Malaysian Insider, beliau menegaskan kerajaan tidak mendapatkan semula jumlah itu kerana PTPTN hanya mengutip sejumlah RM2.8 bilion sejak diwujudkan 15 tahun lalu, kira-kira hanya 10 peratus daripada pinjaman berkenaan.

Namun begitu, The Malaysian Insider difahamkan memansuhkan pinjaman itu tidak mendapat sokongan penuh rakan-rakannya dalam parti itu.

Menurut satu sumber, walaupun tindakan Anwar terhadap pendidikan tinggi adalah "politik bijak", beliau harus berbincang dulu dengan mereka yang lain bagaimana untuk merombak sistem itu kerana PKR mendakwa jumlah RM24.7 bilion itu bukan jumlah yang kecil.

Walaupun PR bersetuju, penganalisis percaya pembangkang perlu mendapatkan pengundi untuk masa hadapan memandangkan keadaan sekarang wujud lebih banyak institusi swasta yang lebih mahal.

James Chin, yang merupakan ketua sains sosial di Monash University di Sunway menjelaskan kebanyakan Melayu hari ini masih lagi berkemampuan untuk pergi ke institusi Bumiputera seperti Universiti Teknologi MARA yang mana mempunyai populasi 170,000 pelajar.

"Ramai masyarakat Cina beranggapan kerajaan tidak mampu untuk membantu mereka dalam pendidikan tinggi. Sekiranya PR berupaya merubah perkara ini, mereka akan memperolehi sokongan dari komuniti Cina, terutamanya PKR.

"Jumlah kumpulan belia Melayu dan mereka yang mempunyai anak percaya mereka akan dibantu," katanya.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pakatan-canang-pendidikan-percuma-umpan-undi-belia-melayu/>